

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Loceryl
2. Bagaimana Loceryl berfungsi
3. Sebelum menggunakan Loceryl
4. Cara menggunakan Loceryl
5. Semasa menggunakan Loceryl
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Loceryl
8. Maklumat produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Loceryl

Loceryl digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kuku (*onychomycosis*) yang disebabkan oleh dermatofit, yis, dan kulat.

Bagaimana Loceryl berfungsi

Bahan aktif dalam Loceryl adalah amorolfine iaitu sejenis ubat antikulat topikal. Ia berfungsi dengan merosakkan dinding sel kulat, yang seterusnya menghentikan pertumbuhan kulat atau membunuhnya. Amorolfine berkesan terhadap pelbagai jenis kulat, termasuk yis, serta kulapuk yang menyebabkan jangkitan pada kulit dan kuku. Ia tidak berkesan terhadap kebanyakan bakteria.

Sebelum menggunakan Loceryl

- Bila tidak boleh menggunakannya

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap amorolfine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum mula menggunakannya

Sila rujuk kepada doktor anda sekiranya anda/anak anda:

- Berumur kurang daripada 12 tahun
- Mempunyai masalah peredaran darah (terutamanya pada tangan dan kaki)

- Menghidap kencing manis
- Mempunyai sistem imun yang lemah
- Mempunyai masalah kuku (sangat rosak atau berbentuk tidak normal)

Kehamilan dan penyusuan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Ubat ini tidak disarankan untuk digunakan semasa mengandung atau semasa menyusukan bayi, melainkan diarahkan oleh doctor anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai kesihatan.

Cara menggunakan Loceryl

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada kuku yang terjejas sebanyak 1 atau 2 kali seminggu.

Sila patuhi arahan berikut dengan teliti:

1. Sebelum menggunakan Loceryl buat kali pertama, bersihkan kuku dengan teliti dan gunakan pengikir kuku untuk mengikir bahagian kuku yang terjejas (terutamanya permukaan kuku) sebanyak mungkin. Berhati-hati agar tidak mengikir kawasan di sekeliling kuku.

PERINGATAN: Pengikir kuku yang digunakan pada kuku yang dijangkiti tidak boleh digunakan pada kuku yang sihat.

2. Bersih permukaan kuku

dengan pad pembersih.

3. Ulang langkah 1 & 2 pada setiap kuku yang dijangkiti.
4. Celupkan spatula ke dalam botol tanpa mengelap lebihan. Penggunaan spatula adalah penting kerana ia memberi dos ubat yang tepat.
5. Sapu ubat pada seluruh permukaan kuku berkenaan.
6. Ulang langkah 4 & 5 pada kuku lain yang dijangkiti.
7. Bersihkan spatula dan leher botol dengan pad pembersih yang sama.
8. Tutup botol dengan penutup serta merta selepas guna.
9. Biarkan ubat pada kuku kering (selama 3-5 minit).

Nota: Pakai sarung tangan kalis bendalir semasa mengendalikan pelarut organik (seperti *thinner* atau *white spirit*) untuk melindungi lapisan Loceryl pada kuku.

- Bila perlu digunakan

1 atau 2 kali seminggu.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan Loceryl sehingga kuku tumbuh and sembuh.

Tempoh rawatan yang diperlukan bergantung jenis dan keterukan jangkitan kuku yang dialami. Biasanya, rawatan akan mengambil masa selama 6 bulan untuk kuku tangan dan 9 - 12 bulan untuk kuku kaki.

Sekiranya tiada sebarang perubahan atau jangkitan menjadi semakin teruk dalam masa 6-12 bulan, sila rujuk kembali kepada doctor anda.

- Jika terlupa menggunakannya

Sapukan dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah hampir waktu untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu itu dan sapukan ubat seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang terdekat, sekiranya anda fikir anda atau orang lain telah menggunakan ubat ini secara berlebihan. Lakukan perkara ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan Loceryl

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Loceryl.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gunakan sebarang ubat tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan Loceryl kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan pemakaian pengilat kuku kosmetik atau kuku palsu semasa rawatan.
- Elakkan sentuhan dengan mata, telinga, mulut, dan kulit di sekitar kuku tersebut.
- Sapukan hanya pada kuku, bukan pada kulit.

- Jika berlaku reaksi alahan, hentikan penggunaan serta-merta, tanggalkan ubat menggunakan pelarut - jangan sapu semula dan segera dapatkan rawatan perubatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Loceryl boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku termasuk:

- Rasa terbakar di sekitar kawasan kuku tangan atau kaki
- Perubahan warna kuku, kuku menjadi rapuh atau patah
- Reaksi alergi, reaksi kulit, kemerahan, kegatalan, ruam dan bengkak yang menyakitkan pada permukaan kulit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [*Consumersà Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Loceryl

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, dilindungi daripada haba.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Keterangan Produk

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih tanpa warna atau hampir tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Amorolfine

- Bahan tidak aktif

Ammonio methacrylate, copolymer, glycerol triacetate, butyl acetate, ethyl acetate and ethanol absolute.

- Nombor MAL

MAL19984307X

Pengilang

Laboratoires Galderma, ZI-Montdesir
74540 Alby-sur-Cheran, France

Pemegang Pendaftaran Produk

Galderma Malaysia Sdn Bhd
Unit 904, Level 9, Uptown One,
Jalan SS21/58, Damansara Utama,
47400, Petaling Jaya, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/07/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)250625/00048